

Bil. (54) dlm. JK/IP 39/54-A

JABATAN KEHAKIMAN,
MAHKAMAH PERSEKUTUAN,
KUALA LUMPUR. 01-02.

17HB. SEPTEMBER, 1980.

Semua Yang Di Pertua,
Mahkamah Sesyen,
Semenanjung Malaysia.

Semua Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi,
Semenanjung Malaysia.

Semua Majistret,
Mahkamah Majistret,
Semenanjung Malaysia.

Dato'/Tuan/Puan,

Pekeling Pendaftar Bil. (A) 16/80

Papan Tanda.

Saya merujuk kepada Pekeliling Pendaftar Bil. (A) 15/80 bertarikh 21hb. Ogos, 1980 berkenaan dengan perkara diatas dan memaklumkan bahawa beberapa kekeliruan telah berbangkit. Untuk mengatasi kekeliruan itu, dengan sukacitanya penerangan lanjut adalah seperti dihuraikan dibawah ini.

2. Jenis Mahkamah.

Sekarang ini terdapat 3 jenis bangunan Mahkamah dibawah Pentadbiran Jabatan Kehakiman. Bangunan-bangunan itu ialah bangunan Mahkamah Tinggi, bangunan Mahkamah Sesyen dan bangunan Mahkamah Majistret. Dalam pada itu di pekan-pekan besar terdapat atau ditempatkan ketiga-tiga jenis Mahkamah itu atau 2 jenis Mahkamah dalam satu bangunan. Mithalnya, di Johor Bharu dalam satu bangunan terdapat 3 jenis Mahkamah iaitu Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret dan di Ipoh pula terdapat Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret dalam satu bangunan. Apa yang diperlukan sekarang ini ialah satu Papan Tanda yang selaras dengan kehendak undang-undang dan juga dapat memberitahu kepada orang ramai iaitu disatu-satu bangunan Mahkamah itu ada samada Mahkamah Tinggi bersama-sama dengan Mahkamah Sesyen dan Majistret atau Mahkamah Sesyen bersama-sama dengan Mahkamah Majistret atau Mahkamah Majistret saja.

2(a). Penulisan Nama Mahkamah.

Untuk mengelakkan kekeliruan orang ramai dan untuk menyelaraskan fungsi sesebuah Mahkamah itu dengan kehendak undang-undang maka peratoran-peratoran dibawah ini hendaklah diikuti:-

2(b). Bangunan yang mengandungi Mahkamah Tinggi/
Mahkamah Sesyen/Mahkamah Majistret.

Mana-mana sebuah bangunan Mahkamah yang mengandungi Mahkamah Tinggi, Sesyen dan Majistret seperti di Johor Bharu dan di Kota Bharu maka Papan Tanda hendaklah ditulis seperti dibawah ini:-

MAHKAMAH
TINGGI/SESYEN/MAJISTRET

* JOHOR BHARU

*Ikut Nama Pekan.

2(b)(i). Bangunan yang mengandongi Mahkamah Sesyen/Majistret.

MAHKAMAH
SESYEN DAN MAJISTRET

IPOH

*Ikut Nama Pekan.

2(b)(ii). Bangunan yang mengandongi sebuah Mahkamah saja -
Mahkamah Majistret atau Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Sesyen.

MAHKAMAH MAJISTRET

KAMPAR


MAHKAMAH TINGGI

IPOH


* Ikut Nama Pekan.

3. Adalah hasrat Pentadbiran ini supaya Bangunan-bangunan Mahkamah Baru dan Bangunan-bangunan Mahkamah Lama, yang tidak akan diganti tetapi akan ditambah bangunan tambahan kerana bangunan itu masih kukuh dan molek dari segi architecture seperti Bangunan Mahkamah Johor Bharu, Bangunan Mahkamah Tinggi Ipoh, Bangunan Mahkamah Pulau Pinang, mempunyai Papan Tanda yang sejenis seperti susunan perkataan yang dihuraikan diatas diperenggan 2(b), (i) (ii). Papan Tanda itu hendaklah dipasangkan didalam pagar Mahkamah dan ukurannya adalah seperti dibawah ini:-

2(b).



2(b)(i) dan
2(b)(ii)



4. Bagi Mahkamah lama yang akan diganti dengan Mahkamah baru yang sedang dibina atau pun akan dibina seperti Mahkamah Bruas, Taiping, Kuala Kangsar, Gemas dan lain-lain tidaklah perlu diganti kerana di Mahkamah-Mahkamah baru itu Papan Tanda ini hendaklah dipasangkan mengikut Pekeliling ini.

5. Jika Dato'/Tuan/Puan telah mempunyai Papan Tanda yang serupa atau pun hampir-hampir serupa dengan kehendak Pekeliling ini tidaklah payah diambil apa-apa tindakan lagi. Jika didapati berlainan iaitu dengan menggunakan nama lama seperti Mahkamah Pengadil, Mahkamah Rendah maka tindakan untuk menggantinya hendaklah diambil selaras dengan kehendak

Pekeliling ini. Sekiranya peruntukan tidak ada untuk mengambil tindakan atas perkara ini silalah tuan rundingkan dengan pihak JKR atau dua tiga pemborong untuk mendapatkan anggaran dan berhubung dengan pihak Pentadbiran

ini seperti disebutkan di Pekeliling (A)15/80 supaya tindakan sewajarnya dapat diambil dengan secara berperingkat-peringkat.

6. Dengan tersibarnya Pekeliling ini adalah diharapkan pihak Dato'/Tuan/Puan dapat mengambil tindakan supaya mengganti Papan Tanda dipintu-pintu bilik Pegawai dengan menggunakan Papan Tanda yang betul iaitu mithalnya Kamar Majistret bukanlah lagi Bilik Pengadil atau Bilik Presiden manakala bilik itu adalah Kamar Majistret atau Kamar Yang DiPertua.

Demikian dimaklumkan.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'.

t.t.

(SITI NORMA YAAKOB)

Ketua Pendaftar.

s.k.

Y.A.A. Ketua Hakim Negara, Malaysia,
Mahkamah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Y.A.M. Hakim Besar Malaya,
Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur.

Y.A. Semua Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan, Malaysia.

Y.A. Semua Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi,
Semenanjung Malaysia.

Timbalan Pendaftar,
Mahkamah Persekutuan,
Kuala Lumpur.